

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: DI MAJLIS SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN YANG TERAMAT MULIA  
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

TEMPAT: KUALA LUMPUR

TARIKH: 08 FEB 1983

MASA:

ASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH  
dan selamat sejahtera.

Yang Teramat Mulia, Tunku Abdul Rahman Putra  
Al-Haj, Bapa Merdeka dan Bapa Malaysia;

Para tetamu yang mulia;

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang saya  
hormati.

Terlebih dahulu, bagi pihak semua rakan seperjuangan  
dalam Barisan Nasional, dengan perasaan penuh gembira dan  
tulus ikhlas, saya menyampaikan doa dan ucapan 'selamat hari  
jadi' kepada pemimpin agung kita, Yang Teramat Mulia Tunku  
Abdul Rahman Putra Al-Haj, sempena hari keputeraannya yang  
ke 80 ini. Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat dan lanjutkan  
usia beliau, sihat walafiat dan sentiasa bahagia, sambil  
meneruskan sumbangannya kepada agama, bangsa dan tanah air  
yang kita cintai ini.

2. Di samping itu, pada hari yang bertuah ini, marilah  
kita sama-sama bersyukur ke hadrat Ilahi, atas limpah  
kurniaNya yang membolehkan kita semua bertemu pada malam ini  
dalam suasana yang aman dan tenteram. Sesungguhnya,  
keamanan dan ketenteraman yang kita dari berbagai kaum  
nikmati sekarang ini, adalah salah satu dari hasil pimpinan  
dan jasa bakti Yang Teramat Mulia Tunku yang tak ternilai  
harganya dan yang akan kekal abadi dalam kenangan kita  
bersama.

3. Tiga puluh satu tahun yang lampau, apabila Tunku  
memulakan kerjasama politik UMNO-MCA bagi menghadapi  
pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur, terjadilah satu  
'perkahwinan politik' yang melahirkan Perikatan dan  
kemudiannya Barisan Nasional; dan tanpa disedari, Tunku  
sebenarnya telah meletakkan asas kerjasama politik dan asas  
perpaduan rakyat yang menyebabkan kestabilan politik  
sepanjang suku abad ini. Keberanian Tunku mencipta  
kerjasama ini tidak boleh dipertikaikan. Di waktu kaum-kaum  
di Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat kuat  
berkonfrontasi, usaha ke arah kerjasama antara kaum adalah  
satu perkara yang merbahaya bagi seorang pemimpin yang  
bergantung kepada sokongan ramai menganjurkannya. Tetapi  
'the charm and personality of the Tunku won over everyone.'  
Hari ini kita melihat betapa langkah Tunku merupakan langkah  
yang bijak. Sementara di negara-negara lain di mana

penduduk terdiri daripada berbagai kaum, ketenteraman dan pembangunan diganggu sepanjang masa kerana sengketa kaum, di Malaysia perselisihan antara kaum adalah minima. Kestabilan politik dan ketenteraman di Malaysia adalah hasil yang terbesar dalam usaha Tunku. Saya yakin selagi parti campuran yang diasaskan oleh Tunku dalam tahun 1952 berkuasa, dasar dan prinsip perjuangan Tunku akan dikekalkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Yang Teramat Mulia Tunku telah menjadi salah seorang tokoh yang terpenting dalam sejarah moden Malaysia. Kejayaan beliau dan kemampuan beliau melibatkan diri secara langsung dalam politik negara kita selama hampir suku abad, sebagai Presiden UMNO, Pengerusi Perikatan, Ketua Menteri dan Perdana Menteri, telah menyebabkan penciptaan satu zaman yang tersendiri dalam sejarah Malaysia, zaman yang penuh dengan cabaran, zaman yang memerlukan banyak kebijaksanaan dan kesabaran dan zaman yang memulakan satu lagi babak baru dalam sejarah negara kita.

5. Oleh kerana itu, apabila kita menghargai dan mengingati Tunku, kita sebenarnya menghargai dan mengingati sejarah bangsa dan negara kita. Dan bagi suatu bangsa yang bertekad untuk terus maju dan kukuh, mengingati serta mempelajari sejarah amatlah penting, kerana sejarah adalah contoh dan tauladan. Sejarah membentangkan kepada kita peristiwa suka-duka dan kegagalan serta kejayaan masa lalu. Sejarah juga menjelaskan kepada kita bahawa dunia dan kehidupan manusia terus berubah. Pemimpin akan silih berganti, pergi dan datang; perubahan juga tiada siapa yang dapat menahan. Yang dapat dan perlu kita lakukan, ialah menjalankan ikhtiar supaya perubahan itu dapat dikawal dan dibentuk, sesuai dengan kehendak dan keperluan kita, satu bangsa yang merdeka dan bermaruah.

6. Dalam zamannya itu, Tunku telah menjadi pemimpin gigih yang meneruskan perjuangan kebangsaan yang telah dimulakan menjelang Perang Dunia Kedua dulu. Di bawah pimpinannya, maruah dan kemerdekaan negara dapat ditebus kembali. Sesudah itu, sebagai tokoh politik dan negarawan, Tunku memulakan langkah mengisi kemerdekaan. Lagi sekali, di bawah pimpinannya, asas dan infrastruktur yang kukuh bagi menegakkan sebuah negara moden yang maju, telah dapat dibina.

Tuan-tuan dan puan-puan.

7. Apa yang telah saya sebutkan ialah perjuangan Tunku selepas beliau berpindah ke Kuala Lumpur dan memasuki arena Kingdom untuk belajar, Yang Teramat Mulia Tunku telah menceburkan diri dalam usaha menolong rakyat. Di waktu saya masih kecil, nama Tunku sudah pun terkenal di kalangan rakyat Kedah sebagai seorang anak raja yang bersimpati dan dekat dengan rakyat.

8. Mungkin Tunku tidak ingat tetapi sebagai Setiausaha Kesatuan Pemuda Melayu Kedah, saya telah menjemput Yang Teramat Mulia Tunku, yang di waktu itu menjadi Superintendent of Education (jika saya tidak silap) untuk menyaksi preview satu sandiwara di Sekolah Perempuan Seberang Perak yang telah dipinjamkan oleh Tunku kepada Kesatuan Pemuda Melayu Kedah.

9. Di waktu kita menentang Malayan Union, petition yang dihantar kepada Kerajaan British oleh Kesatuan Melayu Kedah, Seberkas dan Kesatuan Pemuda Melayu Kedah ditulis oleh Tunku sendiri. Aktiviti politik di waktu Yang Teramat Mulia Tunku memanglah kena pada tempatnya apabila Tunku dijemput untuk menjadi Yang diPertua UMNO selepas UMNO kehilangan ketua. Langkah ini merupakan langkah yang terpenting sekali dalam sejarah Malaysia.

10. Di Kedah dan di seluruh Malaysia kita semua kenal dan kenang jasa-jasa Yang Teramat Mulia Tunku. Tetapi ini tidak bermakna bahawa dunia tidak mengenali beliau. Sebenarnya Tunku juga telah berjasa kepada dunia amnya. Sikap yang tegas yang ditunjukkan oleh beliau terhadap dasar apartheid Afrika Selatan akhirnya telah membawa kepada penyingkiran negara itu dari Komanwel. Di kalangan negara-negara Islam pula, jasa Tunku sebagai pengasas dan Setiausaha Agung pertama Komanwel Islam yang dianjurkan oleh beliau dan sekarang dikenali sebagai Organisation of Islamic Conference tidak dapat dilupakan. Demikianlah peranan yang dimainkan oleh Tunku sehingga di beberapa negara Afrika dan negara Islam, Malaysia cuma dikenali jika nama Tunku Abdul Rahman disebut. Tanpa apa-apa perasaan angkuh, kita boleh katakan Tunku memang sudah menjadi World Statesman. Kita turut berbangga dengan kejayaan ini.

11. Maka sekarang, sebagai tanda penghargaan kita yang paling bererti ialah menjadikan kewajipan serta tanggungjawab kita, khususnya para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional, untuk memastikan supaya asas dan infrastruktur yang telah dibina oleh Tunku akan terus kukuh dan kekal. Sekiranya berlaku keretakan atau kerosakan di mana-mana, maka perlulah kita perbaiki dengan musyawarah dan muafakat bersama. Dan adalah menjadi kewajipan kita juga, untuk menentang habis-habisan barang siapa juga yang hendak merosak dan merobohkan asas dan infrastruktur nasional ini. Salah satu musuh paling besar ialah kata-kata, kegiatan dan tindakan yang boleh menyalakan api perkauman dan yang bertentangan dengan kepentingan nasional. Tunku tidak pernah bermain-main dengan politik, apa lagi politik perkauman. Maka kita juga tidak seharusnya cuba-cuba bermain politik, lebih-lebih lagi memperalatkan politik untuk kepentingan diri dan kelompok, untuk mempertahankan kekuasaan dan memperkayakan diri sendiri.

12. Yang Teramat Mulia Tunku adalah seorang putera Malaysia yang tulen. Cita-cita beliau dan tindak-tanduk beliau sentiasa mengutamakan kepentingan nasional, lebih daripada kepentingan sempit untuk kaumnya sendiri sahaja. Beliau

tidak pernah merasa takut dan sentiasa bersedia menerima apa juga kritik dan hukuman, demi untuk kepentingan nasional. Beliau bukan sahaja tidak mendapat apa-apa faedah material untuk peribadinya daripada jerih payah perjuangan ini, malah harta miliknya sendiri telah dikorbankan, demi untuk perjuangan bangsa dan tanahairnya. Hidupnya sentiasa sederhana. Kesenangan dan kebahagiaannya ialah kehidupan yang harmoni, aman dan damai.

13. Inilah antara warisan paling berharga yang ditinggalkan kepada kita, apabila beliau dengan senang hati, mengucapkan selamat tinggal kepada kegiatan politik secara langsung. Sempena malam bertuah ini, lagi sekali sebagai tanda penghargaan kita kepada beliau, marilah kita sambut warisan paling berharga ini dengan ikrar akan menyambung perjuangan yang diasaskan olehnya.

Tuan-tuan dan puan-puan.

14. Majlis ini bukanlah untuk saya. Tetapi dengan izin hadirin sekalian saya ingin mengambil peluang ini untuk memohon maaf secara terbuka atau publicly terhadap apa-apa kata-kata kesat dan tindakan yang biasa saya lakukan kerana perbezaan pendapat dengan Yang Teramat Mulia Tunku dahulu. Walaupun pada detailnya mungkin ada perbezaan antara pendapat saya dengan Yang Teramat Mulia Tunku tetapi amnya

15. Akhir kata, bagi pihak seluruh anggota parti-parti komponen Barisan Nasional, saya memohon ke hadrat Allah Rabbulalamin, semoga Tunku sentiasa sihat dan bahagia sepanjang masa.  
Terima kasih.